

MALAYSIA TERUS CATAT PRESTASI EKONOMI POSITIF - KETUA PERANGKAWAN

BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 13/03/2026 | Author: SHANIKA ABDULLATIB | Others

JASIN, 13 Mac (Bernama) -- Malaysia terus menunjukkan prestasi ekonomi yang positif meskipun berdepan ketidaktentuan global.

Ketua Perangkawan Malaysia Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata data awal dikeluarkan untuk awal tahun ini menunjukkan ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan 5.2 peratus pada 2025, disokong oleh perkembangan kukuh dalam pelbagai sektor ekonomi termasuk sektor runcit.

"Prestasi perdagangan borong dan runcit melebihi RM150 bilion pada Januari, sekali gus mencerminkan tahap perbelanjaan domestik yang masih kukuh. Ini menunjukkan kecergasan ekonomi negara masih berada pada landasan positif dan momentum pertumbuhan itu mula dirasai sejak awal tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Program Ziarah Kasih Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Melaka di Kampung Tedong Barat, Serkam di sini hari ini.

Mohd Uzir berkata kepelbagaian struktur ekonomi negara serta transformasi merangkumi sektor pertanian, perlombongan, pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan menjadi faktor penting kepada ketahanan ekonomi Malaysia.

"Data awal di lapangan turut mendapati respons positif daripada pengusaha termasuk lebih 400,000 pengusaha mikro dan kecil yang dibanci setakat ini. Ini memberi gambaran kecergasan ekonomi itu sangat positif dan momentum itu pertumbuhan itu telah dilihat," katanya.

Dalam pada itu beliau berkata pelaksanaan Banci Ekonomi oleh kerajaan juga dijangka akan memberi gambaran lebih menyeluruh mengenai peranan aktiviti ekonomi tidak formal yang semakin berkembang dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Jelasnya bancian dilaksanakan kali ini turut memberi tumpuan kepada sektor tidak formalm, sebelum ini kurang direkodkan secara menyeluruh dalam statistik ekonomi negara.

"Perkembangan teknologi dan kemudahan digital kini membuka lebih banyak ruang kepada individu terutama golongan muda untuk menjana pendapatan tanpa perlu bergantung kepada pekerjaan formal.

"Dulu mungkin agak sukar untuk seseorang menjadi usahawan tetapi hari ini dengan kreativiti dan teknologi digital mereka boleh memasarkan produk dari mana sahaja," katanya.

Mohd Uzir memberitahu perkembangan industri pelancongan di Melaka sebagai contoh turut menyaksikan pertumbuhan pelbagai aktiviti ekonomi tidak formal termasuk pengendalian inap desa dan perkhidmatan sokongan yang memberi sumbangan kepada ekonomi tempatan.

"Pengumpulan data menerusi bancian itu penting bagi membantu kerajaan menilai keberkesanan dasar ekonomi serta merangka langkah penambahbaikan yang lebih tepat untuk memperkukuh sektor berkenaan.

"Melalui data yang dikumpulkan, kerajaan dapat melihat rantai aktiviti ekonomi ini dengan lebih jelas dan merangka bantuan atau sokongan yang sesuai," katanya.

-- BERNAMA

TAG: DOSM, prestasi, ekonomi, Mohd Uzir Mahidin

SAL SAL YAM